

02/05/2003

MBM kumpul RM186,000 untuk tabung keamanan

Norhafzan Jaafar; Nurhasyima Hasim

KUALA LUMPUR : Majlis Belia Malaysia (MBM), sehingga semalam, berjaya mengumpul RM186,021 bagi mengisi Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia (MIPF).

Naib Presidennya, Loka Ng Sai Kai berkata kutipan itu sumbangan pelbagai

pihak termasuk melalui jualan kupon sempena majlis Malam Semarak Kedamaian

anjuran MBM yang akan berlangsung pada 12 Mei ini di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor di Shah Alam.

Beliau berkata, dengan jumlah terbaru itu MBM kini menghampiri sasaran mereka untuk mengumpul sebanyak RM250,000 bagi membantu mangsa perang Iraq. Kutipan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan Hari Belia Negara 2003 di Stadium Putra, Bukit Jalil, 15 Mei ini.

"MBM sentiasa memberi galakan kepada semua pihak terutama syarikat swasta untuk tampil memainkan peranan mereka dalam menjayakan tabung. Sehingga kini kerjasama yang diberikan banyak membantu persatuan ini ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya, pada majlis Jualan Amal Blue Star untuk MIPF di sini, semalam.

Pada majlis itu, Blue Star Apparels, sebuah rangkaian kedai pakaian di ibu kota, melancarkan jualan amalnya yang berlangsung selama 19 hari mulai

semalam untuk membantu mengisi tabung MIPF yang diselaraskan MBM.

Pengurus Produknya, Lee Teck Chye, berkata sepanjang kempen yang bertemakan 'Kasih Sayang Blue Star' itu, sebanyak 10 peratus dari hasil jualan di dua premis syarikat itu akan disumbangkan kepada tabung berkenaan.

"Berdasarkan jualan harian di kedua-dua premis syarikat ini, kami menjangkakan akan mengumpul sebanyak RM10,000 untuk didermakan kepada tabung MIPF sempena jualan amal ini," katanya.

Di GEORGETOWN, MIPF menerima sumbangan derma RM2,360 daripada Umno cawangan Kampung Che Ros, Jelutong pada satu majlis khas di Dewan Masyarakat, Jalan Makloom, semalam.

Sumbangan itu diterima daripada Pengerusi Umno cawangan Kampung Che Ros,

Mohd Farook Sk Mohd kepada Ahli Parlimen Jelutong, Lee Kah Choon dan disampaikan kepada Ketua Biro, The New Straits Times Sdn Bhd cawangan Pulau Pinang, Noor Adzman Baharuddin.